

## MAKLUMAT PROGRAM

### SHOWCASE SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI) PERINGKAT NASIONAL

---

#### 1. LATAR BELAKANG

- (i) Showcase SDSI yang mula diperkenalkan pada tahun 2006 merupakan pameran tahunan terbesar yang menghimpunkan produk/perkhidmatan SDSI yang berkualiti dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.
- (ii) Showcase SDSI merupakan salah satu program yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) selaras dengan peranan Kementerian sebagai Pengerusi Jawatankuasa Promosi, Pemasaran dan Pembangunan Keusahawanan Peringkat Kebangsaan yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri.
- (iii) Showcase SDSI telah dianjurkan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh sejak tahun 2006 dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka. Berikut adalah rekod penganjuran Showcase SDSI dari tahun 2006 - 2015:

Bil	Tahun	Tarikh	Dirasmikan Oleh
1	2006	6 - 8 April	YAB Timb. Perdana Menteri
2	2007	5 - 7 Julai	YAB Timb. Perdana Menteri
3	2008	7 - 9 November	YAB Ketua Menteri Melaka
4	2009	11- 13 Disember	YAB Timb. Perdana Menteri
5	2010	10 - 12 Disember	YB Menteri MITI
6	2011	9 - 11 Disember	YB Timb. Menteri MITI
7	2012	7 - 9 Disember	YB Menteri MITI
8	2013	29 Nov - 1 Disember	YB Menteri MITI
9	2014	4 - 7 Disember	YB Menteri MITI
10	2015	4 - 6 Disember	YB Menteri MITI

- (iv) Pada tahun 2015, buat pertama kalinya format penganjuran pameran diubah daripada konsep pavilion kepada kluster industri. Penganjuran berkonsepkan kluster tersebut mendapat pelbagai maklum balas daripada peserta dan orang ramai. Antara maklumbalas yang diterima adalah tumpuan pengunjung hanya kepada kategori-kategori produk tertentu sahaja seperti makanan dan minuman. Susulan daripada itu, Mesyuarat

Jawatankuasa Induk Showcase SDSI Peringkat Nasional Bil. 1 Tahun 2016, telah bersetuju mencadangkan supaya penganjuran SDSI 2016 dianjurkan menggunakan format pavilion yang dilihat lebih meriah dan menarik minat pengunjung.

- (v) Pada tahun ini juga, penganjuran Showcase SDSI Peringkat Nasional 2016 akan turut membawakan penglibatan syarikat-syarikat multinasional (MNCs) ke dalam program tersebut. Ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada usahawan-usahawan di bawah bimbingan program SDSI mengenai peluang-peluang pemasaran yang lebih luas melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat MNCs. Ia juga akan menjadi platform kepada usahawan bimbingan program SDSI yang berpotensi untuk dibangunkan melalui kerjasama MNCs khususnya dalam rantai nilai perniagaan seperti menjadi pembekal produk dan perkhidmatan kepada MNCs oleh usahawan.

## **2. OBJEKTIF PROGRAM**

- (i) Menyediakan medium pemasaran produk dan perkhidmatan SDSI yang berkualiti;
- (ii) Meningkatkan imej produk/perkhidmatan SDSI;
- (iii) Memberi pendedahan kepada umum bahawa keluaran SDSI adalah berpotensi dan berkualiti; dan
- (iv) Mewujudkan dan memperluaskan rangkaian perniagaan (networking) di antara usahawan SDSI dengan pembeli, pengedar, agen pemasaran, stokis, pengimport, hypermarket dari dalam dan luar negara.

## **3. MAKLUMAT PROGRAM**

Showcase SDSI 2016 kali ke-11 pada tahun ini akan dianjurkan seperti berikut:

Tarikh:	24 – 27 November 2016 (Khamis – Ahad)
Masa:	10.00 pagi -10.00 malam (Terbuka kepada orang ramai, pemborong dan pengedar)
Tempat:	Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka
Perasmian:	26 November 2016 (Sabtu) Dirasmikan oleh YB Menteri MITI

#### 4. MANFAAT PROGRAM

(i) Manfaat program kepada para usahawan dan bakal usahawan:

- Pusat sehenti atau *one stop center (OSC)* untuk mendapatkan maklumat mengenai fasilitasi dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan secara terus daripada kementerian/agensi Kerajaan yang turut menyertai pameran ini;
- Memperoleh ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan menerusi perkongsian maklumat dan sesi khidmat nasihat yang akan dijalankan; dan
- Memperluaskan jaringan perniagaan (*networking*) dan mendapatkan peluang untuk meneroka pasaran yang lebih luas menerusi penyertaan dalam sesi *business matching*.

(ii) Manfaat program kepada orang awam:

- Mendapatkan pendedahan mengenai inisiatif-inisiatif dan peluang perniagaan yang disediakan oleh Kerajaan kepada masyarakat;
- Memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan keluaran tempatan yang berkualiti dan standing dengan produk luar negara;
- Memberi peluang kepada orang awam untuk mendapatkan serta membeli pelbagai produk/ perkhidmatan keluaran industri desa yang berkualiti tinggi dari seluruh Malaysia di bawah satu bumbung; dan
- Menyertai pelbagai aktiviti ilmiah dan hiburan berbentuk riadah yang dianjurkan.

## 5. PENGISIAN PROGRAM

Pengisian program sepanjang empat (4) hari adalah terdiri daripada lapan (7) program/aktiviti iaitu:

### (i) PAMERAN DAN JUALAN

Terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu:

#### (a) PAVILION NEGERI

- Kelainan atau keunikan pameran *Showcase* SDSI ini berbanding pameran-pameran lain adalah konsep pameran usahawan mengikut negeri, di mana setiap negeri akan membangunkan ruang pameran dan jualan berkonsepkan *pavilion* berdasarkan ciri-ciri negeri masing-masing. Contohnya, negeri Melaka mendirikan replika rumah Melaka yang di dalamnya dipamer/ dijual produk keluaran usahawan negeri tersebut;
- Setiap *pavilion* negeri menempatkan antara 10 - 30 orang usahawan SDSI terpilih mewakili negeri masing-masing;
- Penyertaan adalah terhad kepada usahawan SDSI sahaja dan tidak terbuka kepada usahawan lain yang bukan berkonsepkan SDSI. Dalam hal ini, pemilihan usahawan diselaraskan sepenuhnya oleh pihak negeri (Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri / Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri / Unit Perancang Ekonomi Negeri / MARA Negeri);
- Produk/perkhidmatan SDSI yang dipamer dan dijual adalah seperti:
  - Makanan & Minuman
  - Kraftangan
  - Produk kesihatan, kecantikan dan penjagaan diri;
  - Tekstil; dan
  - *Homestay*

(b) PAVILION KEMENTERIAN PENERAJU JAWATANKUASA SDSI PERINGKAT KEBANGSAAN

- Menyampaikan khidmat nasihat mengenai program/kemudahan yang disediakan oleh Kementerian dan agensi-agensi iaitu:

1. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (Urus Setia Induk)
2. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Jawatankuasa Kerja Promosi, Pemasaran dan Pembangunan Keusahawanan)
3. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Jawatankuasa Kerja Produk Makanan / Minuman)
4. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Jawatankuasa Kerja Produk / Perkhidmatan Kesihatan dan Kecantikan)
5. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (Jawatankuasa Kerja Homestay dan Jawatankuasa Kerja Produk Kraf)

(c) BOOTH INDUSTRI SOKONGAN

- Terdiri daripada agensi/syarikat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi perkhidmatan dan kemudahan kepada usahawan SDSI dalam menyokong serta membantu memperluaskan perniagaan usahawan SDSI seperti:
  - Agensi teknikal
  - GLCs/MNCs
  - Vendor
  - Media
  - Pemasaran seperti *hypermarket dan trading house*
  - Institusi kewangan
  - Penyelidikan dan pembangunan (*R&D*)

(d) MENU MALAYSIA

- Promosi dan jualan makanan popular dari setiap negeri

(ii) **SEMINAR KEUSAHAWANAN**

Seminar keusahawanan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pemahaman kepada usahawan SDSI mengenai dunia keusahawanan. Tajuk-tajuk seminar meliputi aspek motivasi, bicara tokoh, perkongsian kejayaan dan pendedahan kepada peluang pemasaran termasuk import dan eksport.

(iii) **PADANAN PERNIAGAAN (*BUSINESS MATCHING*)**

Memberi peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mewujudkan jaringan perniagaan dengan pembeli, pengedar, agen pemasaran dan pasar raya besar serta meningkatkan peluang perniagaan dan perluasan pasaran PKS.

(iv) ***INTERNATIONAL SOURCING PROGRAMME (INSP)***

MITI dengan kerjasama MATRADE telah memperkenalkan INSP (sebelum ini dikenali sebagai *Program Meet Buyers Programme*) pada Showcase SDSI Tahun 2015. Program ini telah memberi peluang kepada syarikat dan usahawan SDSI untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada syarikat daripada luar negara.

(v) **KLINIK USAHAWAN/*POCKET TALK/ KHIDMAT NASIHAT***

- Khidmat nasihat oleh pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan serta industri sokongan seperti institusi kewangan, syarikat pemasaran dan lain-lain berkaitan kemudahan, program dan insentif yang disediakan kepada usahawan. Usahawan juga dapat memaklumkan sebarang permasalahan atau pertanyaan secara terus dan mendapatkan maklumbalas segera.

**(vi) PENYERTAAN ANTARABANGSA**

- Showcase SDSI 2016 turut membawakan perkongsian daripada badan-badan penggerak keusahawanan di luar negara seperti One Tambun One Product (OTOP) oleh Thailand, One Village One Product (OVOP) oleh negara Jepun, Thailand dan Cambodia.

**(vii) MENU MALAYSIA**

Merupakan '*trademark*' kepada Showcase SDSI. Menyajikan pelbagai masakan popular tempatan atau *local signature dishes* dari 13 negeri di bawah satu bumbung. Nikmati keunikan sajian popular dari seluruh Malaysia seperti Nasi Dagang dari Terengganu, Kacang Pool dari Johor, Pasembor dari Pulau Pinang, Mi Kolok dari Sarawak dan macam-macam lagi.

**(viii) PERSEMBAHAN PENTAS, KERIANGAN DAN PERMAINAN**

Pelbagai aktiviti menarik terbuka kepada orang ramai seperti:

- Jualan Produk dan Perkhidmatan SDSI;
- Demonstrasi produk;
- Persembahan kebudayaan dan kesenian;
- Pertandingan memasak - Menu Malaysia;
- Pertandingan mewarna bagi kanak-kanak;
- Penampilan istimewa personaliti televisyen dan radio;
- Sesi Bicara Tokoh - ceramah motivasi oleh tokoh-tokoh perniagaan terkemuka dan selebriti tempatan yang terlibat dalam bidang keusahawanan;
- Pertandingan karaoke; dan
- Cabutan nombor bertuah.

### (ix) PERTANDINGAN SDSI

- Penilaian terhadap kesemua produk/perkhidmatan SDSI yang dipamerkan di *Showcase* SDSI dalam aspek standard dan kualiti, pembungkusan, persijilan dan pelabelan.
- Pertandingan ini bertujuan untuk memberi suntikan semangat kepada usahawan-usahawan SDSI untuk menghasilkan produk/perkhidmatan yang lebih bermutu dan berkualiti setanding dengan produk keluaran negara luar.
- Produk/perkhidmatan terbaik akan diberi pengiktirafan dan ganjaran dalam bentuk kewangan dan insentif bukan-kewangan.

## 6. STATISTIK PENGANJURAN PROGRAM (2006-2015)

### Statistik Showcase SDSI Secara Keseluruhan (2006-2015)

BIL	PERKARA	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
1	BILANGAN PEMPAMER (USAHAWAN & AGENSI)	379	509	538	565	523	524	584	590	419	471
2	BILANGAN PENGUNJUNG (ORANG)	25,000	35,180	63,319	98,533	120,000	110,000	135,000	150,000	160,000	184,224
3	PESERTA SEMINAR (ORANG)	150	101	654	424	778	980	1,500	1,700	1,489	1,235
4	JUALAN KONTRAK (RM JUTA)	1.0	6.74	47.5	21.9	15.7	16.5	*11.3	10.1	4.55	6.37
5	JUALAN TUNAI (RM JUTA)	0.30	0.63	0.96	1.02	2.90	4.45	5.5	6.1	6.65	1.70

*\*Nota: Penurunan jualan kontrak pada tahun 2012 adalah disebabkan oleh sesi padanan perniagaan yang telah diadakan secara berterusan sejak awal tahun 2012 sehingga Showcase SDSI 2012. Ianya diadakan bersama pihak Kementerian, Agensi dan Hypermarket yang telah mencatatkan potensi jualan kontrak sebanyak RM6.2 juta.*

